



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA



## KENYATAAN MEDIA

### ***VIRTUAL MINI JOB HUNT FOR PTPTN BORROWERS***



**PUTRAJAYA, 25 Jun 2020 –** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) menjalankan kerjasama untuk menganjurkan “**Virtual Mini Job Hunt For PTPTN Borrowers**” bagi membolehkan para graduan mengisi peluang pekerjaan dalam pasaran buruh negara.

Melalui kerjasama ini, dua agensi di bawah Kementerian tersebut iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan mengadakan *Virtual Mini Job Hunt* khusus bagi membantu peminjam PTPTN mendapatkan pekerjaan.

*Virtual Mini Job Hunt* akan berlangsung selama empat hari iaitu bermula daripada **30 Jun hingga 3 Julai 2020**. Seramai **20 majikan** akan menyertai program maya ini dengan menawarkan lebih **3,000 kekosongan jawatan**. Antara acara menarik dalam *Virtual Mini Job Hunt* ini termasuk sesi ceramah **webinar mengenai kebolehpasaran pekerjaan** yang akan berlangsung selama 2 hari, yang disampaikan oleh penceramah berpengalaman dari pelbagai latar belakang industri. Ini akan disusuli dengan **temuduga terbuka yang diadakan secara dalam talian**.

Turut diadakan bersempena program ini adalah **Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU)** di antara PTPTN dan PERKESO. Ia bertujuan mewujudkan jaringan kerjasama dalam pelbagai aktiviti bagi membantu golongan pelajar universiti khususnya peminjam PTPTN mempersiapkan diri ke alam pekerjaan dan juga penganjuran temuduga terbuka untuk lulusan universiti (*fresh graduate*). MoU ini juga membolehkan **Portal MyFutureJobs** dipromosikan untuk manfaat para peminjam PTPTN. Portal MYFutureJobs adalah salah satu daripada 6 inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang dilaksanakan di bawah KSM.

Dalam Pertukaran Dokumen MoU, PTPTN diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, Encik Ahmad Dasuki Bin Abdul Majid manakala PERKESO diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed. Majlis disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Noraini binti Ahmad dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan.

Portal MYFutureJobs dibangunkan PERKESO berdasarkan teknologi dari Belanda yang telah disesuaikan dengan konteks Malaysia. Ia dilengkapi dengan ciri ***Artificial Intelligence (AI)*** dan ***Skill-Based Matching*** untuk mendapatkan padanan pekerjaan yang lebih tepat. Teknologi dan ciri yang terdapat pada portal ini juga telah digunakan secara meluas di kalangan negara penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Awam (*Public Employment Services*) seperti Belgium, Belanda, Arab Saudi dan Singapura. Uniknya portal ini adalah ia mempunyai elemen pengurusan kes di mana Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO memberi sokongan secara individu bagi membantu pencari kerja yang mengalami kesukaran mencari pekerjaan yang bersesuaian.

Jalinan kerjasama di antara agensi di bawah KPT dan KSM diharap bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada para graduan (peminjam PTPTN) dan pihak majikan, malah mampu **mengurangkan kadar pengangguran di kalangan lulusan universiti**.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)